

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGM 332 Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGITUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, bincangkan sejauh mana sumber bahan mentah, kos ke atas faktor-faktor pengeluaran dan pasaran menentukan lokasi industri pembuatan dunia.

[25 markah]

2. [a] Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan struktur kos dan rintangan-rintangan dalam pembinaan jaringan pengangkutan.

[15 markah]

- [b] Sejauh manakah peningkatan dalam teknologi dapat mengatasi masalah geseran jarak dalam ruangan?

[10 markah]

3. Sejauh manakah perkembangan teknologi mempengaruhi perubahan terhadap konsep sumber dan faedah bandingan dalam isu pembangunan ruangan dunia kini?

[25 markah]

4. [a] Bincangkan mengapa sektor pertanian kurang diberi perhatian dalam strategi pembangunan di kebanyakan negara membangun?

[10 markah]

- [b] Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh negara maju dan negara membangun untuk meningkatkan pengeluaran pertanian khususnya pengeluaran bahan-bahan makanan?

[15 markah]

.../2

5. [a] Bincangkan faktor-faktor yang mendorong negara membangun meneroka bidang pelancongan sebagai satu daripada aktiviti ekonomi negara yang penting.

[10 markah]

[b] Bincangkan konflik ruangan yang timbul kesan daripada pembangunan sektor pelancongan di negara membangun dan bagaimana mereka mengatasi masalah tersebut.

[15 markah]

6. Berdasarkan kepada beberapa buah negara membangun, bincangkan strategi pembangunan yang dijalankan dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi negara-negara tersebut.

[25 markah]

7 [a] Sejauh manakah pelaburan terus asing berjaya membantu membangunkan negara membangun?

[15 markah]

[b] Bincangkan peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat multinasional dan kerajaan negara-negara penerima pelaburan asing memajukan negara membangun.

[10 markah]

-00000000-